



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PEGAWAI PERHUTANAN (B.2 EB.3/B.2) JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEGAWAI PERHUTANAN
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.2 EB.3 [\$2,270 - \$4,240 SEBULAN]
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) TANGGA GAJI B.2 EB.3

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Biological Science / Botani / Environmental Science/ Forest Vegetation / Natural Resources Conservation / Sains Perhutanan / Science Forestry / Science in Conservation and Forest Ecosystems / Wood Science* atau bidang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) TANGGA GAJI B.2

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Biological Science / Botani / Environmental Science/ Forest Vegetation / Natural Resources Conservation / Sains Perhutanan / Science Forestry / Science in Conservation and Forest Ecosystems / Wood Science* atau bidang berkaitan **dan** telah berkhidmat dalam tangga gaji C.3 dalam jawatan yang berkaitan dengan perhutanan / pertanian / pemeliharaan alam sekitar atau yang bersesuaian selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan sebagai Penolong Pegawai Perhutanan dalam tangga gaji C.3 selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan perhutanan / Pertanian / Pemeliharaan Alam Sekitar atau yang bersesuaian dalam tangga gaji C.3 selama tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Sumber Hutan:

- i. Membuat perancangan, penyelarasan, pengurusan dan pelaksanaan operasi atau aktiviti-aktiviti penubuhan ladang hutan di kawasan di antara lembah Sungai Tutong dan Belait (IRZ);
- ii. Menyediakan program *mortality* dan bincian ke atas tanaman-tanaman di kawasan ladang;
- iii. Menyelaras program pembukaan hutan dan penanaman ladang hutan;
- iv. Melaksanakan pemilihan pokok-pokok yang bersesuaian yang akan ditanam; dan
- v. Melaksanakan initiatif *Non-Timber Forest Products*.

Seksyen Perancangan Strategik dan Hal Ehwal Antarabangsa:

- i. Menyediakan kertas kerja dasar dan perancangan;
- ii. Menyediakan laporan tahunan, dasar-dasar dan penelitian Akta Hutan, Seksyen 46;
- iii. Membuat pemantauan *KPI* aktiviti-aktiviti perhutanan;
- iv. Memantau program stimulas bagi meningkatkan hasil Jabatan;
- v. Menyediakan program *business matching* dalam meningkatkan industri hiliran; dan
- vi. Memantau progres keberkesanan *Account Manager*.

Bahagian Ameniti dan Perkhidmatan Perhutanan:

- i. Meningkatkan koleksi BRUN;
- ii. Bekerjasama dalam melaksanakan kajian-kajian dengan institusi dalam dan luar negara yang berkaitan dengan botani dan perubahan iklim;
- iii. Mengetuai dalam ekspedisi pengutipan spesimen negara dan program penghijauan dalam menangani perubahan iklim;
- iv. Meningkatkan kemudahan awam; dan
- v. Meningkatkan program kesedaran awam.